

JULAI 2007

WANITA

ANGGUN BERMATLAMAT

Kecantikan
Miliki Lirikan
Menggoda

Bicara Agama
Isteri Solehah
Berkerjaya

Mini Fokus
Nilai
Penampilan
Diri Anda!

- Kuiz: Adakah Anda Seksi?
- Jadual Pemulihan Kesihatan Tubuh
- Muka Muda, Tangan Berkerepot

Lara
16 muka
*Cantik, Cemerlang &
Terbilang*

Interviu Eksklusif - Pereka Radzuan Radziwill
- Perunding Dekorasi Razak Pamer Kreativiti



Tua

Bantu Awet Muda

PENYELIDIKAN klinikal menunjukkan otot-otot yang menerima rawatan elektrostimulasi menjadi lebih besar selepas lebih kurang 10 sesi. Dikatakan para saintis, doktor dan calon uji kaji yang menggunakan teknologi ini turut mengakui keberkesanan kaedah tersebut. Apakah kegunaan kaedah rawatan elektrostimulasi ini terhadap anda?

Bagi menjelaskan keberkesanan rawatan terkini menghapus kulit kendur dan berkedut, Beauty Impress mengadakan majlis pelancaran dua produk terbarunya Mei lalu, iaitu Tua Viso dan Tua 360. Tua Viso ialah alat senaman muka yang diiktiraf FDA, berpaten, mudah digunakan. Ia mengikut piawai keselamatan antarabangsa, menggunakan bateri biasa 9V. Dua elektrod dibalut span menajamkan penggunaan mudah dan pantas, tanpa perlu menyapu jel atau krim terlebih dahulu, hanya bekas air untuk membasahkan span. Kedua-dua elektrod ini diletak pada titik-titik stimulasi kumpulan otot-otot tertentu pada kulit muka.

Tua 360 pula berupa tali pinggang BodyShaping dan berfungsi mengikut prinsip elektrostimulasi menerusi elektrod-elektrod yang dipasang pada kulit, atas otot-otot, yang akan

memberi tindak balas pengucupan secara tetap ibarat melakukan senaman fizikal biasa. Talipinggang ini praktikal, menggunakan manfaat sistem berpaten ROBOFIT, direka secara saintifik dan telah diuji secara klinikal.

Rekaan Tua 360 bertujuan untuk melangsing, dan mengempiskan perut; menegang dan menaikkan payu dara; membentuk dan menaikkan punggung; melawan selulit dan mengecilkan paha; sambil merehat dan memberi tenaga pada sistem otot-otot.

Pada majlis yang sama, pihak Beauty Impress turut memperkenalkan Dr. Amir Farid Isahak, perunding kanan perubatan dengan pengalaman 20 tahun sebagai pengamal perubatan, dikatakan antara perintis pengamal perubatan antipenuaan di Malaysia.

Dr. Amir berkata bahawa elektrostimulasi diperkenalkan sejak tahun 1946 dan menggunakan kejutan elektrik bervoльт rendah bagi mendapatkan tekanan serupa seperti senaman fizikal. Tua Viso dan Tua 360 berbeza daripada alat urut muka badan yang lain kerana rangsangan elektrik sampai sehingga otot-otot. Alat urut



biasa hanya bergetar pada lapisan atas kulit sahaja. Pengalaman rawatan elektrostimulasi untuk tempoh lama boleh membuatkan kulit nampak lebih tebal dan lebih remaja, lebih berseri. **W**

